



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987

DR.24/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 3 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong daripada subseksyen (5) perkataan-perkataan “atau diperbaharui”. Pindaan seksyen 3. Akta 301.
3. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 7.

“(1) Jika Menteri berpuas hati bahawa apa-apa hasil penerbitan mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mengikut apa-apa jua cara memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan

dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, dia boleh menurut budi bicara mutlaknya melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* melarang, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil pengeluaran itu dan hasil-hasil pengeluaran masa hadapan penerbit yang berkenaan.”.

Seksyen
baru 8A, 8B
dan 8C.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 8 seksyen baru 8A, 8B dan 8C yang berikut:

“Kesalahan
kerana
menyiarkan
berita yang
tidak benar.

8A. (1) Jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar, maka pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berita itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, hendaklah dianggap ada niat jahat sekiranya tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa sebelum penerbitannya tertuduh telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentusahkan kebenaran berita itu.

(3) Tiada pendakwaan kerana sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh dimulakan tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pengha-
raman
hasil
penerbitan.

8B. Jika mana-mana orang telah didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam apa-apa hasil

penerbitan, adalah sah bagi mahkamah, atas permohonan Pendakwa Raya, memerintahkan supaya diharamkan hasil penerbitan itu selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan dari penerbitan itu.

Penggantungan
hasil
penerbitan.

8c. (1) Sementara menanti selesainya apa-apa prosiding bagi pendakwaan pencetak, penerbit, penyunting atau penulis di hadapan mana-mana mahkamah kerana apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam apa-apa hasil penerbitan, adalah sah bagi mahkamah, atas permohonan Pendakwa Raya, memerintahkan supaya hasil penerbitan itu digantung.

(2) Jika rayuan dibuat terhadap perintah pembebasan mana-mana orang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam apa-apa hasil penerbitan, adalah sah bagi mahkamah yang akan mendengar rayuan itu, atas permohonan Pendakwa Raya, memerintahkan supaya hasil penerbitan itu digantung selanjutnya sementara menanti pemberesan muktamad rayuan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

5. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 9.

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(1) Tanpa menjejaskan apa-apa jua dalam Akta ini, Menteri boleh menolak pengimportan ke dalam Malaysia atau

menahan penghantarserahan atau mengembalikan kepada pengirimnya di luar Malaysia apa-apa hasil penerbitan yang dia berpuas hati mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “seseorang pegawai kanan berkuasa” dalam subseksyen (2) dengan perkataan “Menteri”; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (3).

Seksyen
baru 9A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 9 seksyen baru 9A yang berikut:

“Menahan
penghantar-
serahan
sementara
menanti
keputusan
Menteri.

9A. Jika seseorang pegawai kanan berkuasa dengan munasabahnyanya mengesyaki bahawa sesuatu hasil penerbitan mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, dia boleh menahan penghantarserahan hasil penerbitan

itu sementara menanti keputusan Menteri untuk memperlakukannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 9.”.

7. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong daripada subseksyen (2) perkataan-perkataan “atau menolak pembaharuannya”. Pindaan seksyen 12.

8. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong daripada subseksyen (1) perkataan-perkataan “tanpa memberi peluang kepada orang yang lesen atau permit itu dikeluarkan kepadanya untuk menunjukkan sebab mengapa lesen atau permit itu tidak patut dibatalkan”. Pindaan seksyen 13.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 13 seksyen baru 13A dan 13B yang berikut: Seksyen baru 13A dan 13B.

“Keputusan Menteri adalah muktamad. 13A. (1) Apa-apa keputusan Menteri untuk menolak daripada memberikan atau untuk membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan pun.

(2) Bagi maksud seksyen ini “keputusan” termasuklah apa-apa perintah atau arahan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini.

Penyingkiran hak untuk didengar. 13B. Tiada seorang pun boleh diberi peluang untuk didengar berkenaan dengan permohonannya untuk mendapatkan lesen atau permit atau berhubungan dengan pembatalan atau penggantungan lesen atau permit yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 Akta untuk menghapuskan konsep pembaharuan lesen supaya soal yang akan timbul apabila sesuatu lesen habis tempoh ialah soal pelesenan semula. Suatu pindaan yang berhubungan ialah pindaan seksyen 12 (*fasal 7*), yang akan mempunyai kesan yang serupa atas permit.
3. *Fasal 3* bertujuan menggantikan subseksyen (1) seksyen 7. Subseksyen (1) yang ada sekarang memberi kuasa kepada Menteri untuk melarang sesuatu hasil penerbitan yang mengandungi apa-apa perkara yang tak diinginkan atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam subseksyen itu. Subseksyen (1) yang baru memasukkan satu sebab lagi, iaitu bahawa perkara itu mungkin menggemparkan fikiran orang ramai. Di bawah subseksyen (1) yang baru, di samping melarang hasil penerbitan tak diinginkan yang tertentu itu, Menteri boleh juga melarang hasil-hasil penerbitan masa hadapan penerbit yang berkenaan.
4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan tiga seksyen baru, 8A, 8B dan 8C. Seksyen baru 8A mewujudkan kesalahan menyiarkan berita yang tidak benar dengan niat jahat. Seksyen baru 8B memberi kuasa kepada mahkamah memerintahkan pengharaman sesuatu hasil penerbitan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan jika mana-mana orang telah didapati bersalah atas apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam hasil penerbitan itu. Seksyen baru 8C memberi kuasa kepada mahkamah menggantung sesuatu hasil penerbitan sementara menanti selesainya apa-apa pendakwaan kerana sesuatu kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam hasil penerbitan itu atau sementara menanti pembersihan muktamad sesuatu rayuan terhadap pembebasan mana-mana orang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam hasil penerbitan itu.
5. *Fasal 5* bertujuan terutamanya untuk menggantikan subseksyen (1) seksyen 9. Subseksyen (1) yang ada sekarang memberi kuasa kepada seseorang pegawai kanan berkuasa untuk menolak pengimportan atau menahan penghantarserahan, atau untuk mengembalikan kepada pengirim di luar negeri, apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi apa-apa perkara yang tak diinginkan atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam subseksyen itu. Subseksyen (1) yang baru memasukkan satu sebab lagi, iaitu bahawa perkara itu mungkin menggemparkan fikiran orang ramai. Di bawah subseksyen (1) yang baru, kuasa untuk menolak

pengimportan atau menahan penghantarserahan atau mengembalikan kepada pengirim diberikan kepada Menteri dan tidak kepada pegawai kanan berkuasa.

6. *Fasal 6* bertujuan memasukkan seksyen baru 9A yang memberi kuasa kepada seseorang pegawai kanan berkuasa untuk menahan penghantarserahan sesuatu hasil penerbitan yang tak diingini sementara menanti keputusan Menteri di bawah seksyen 9.

7. *Fasal 9* bertujuan memasukkan dua seksyen baru, 13A dan 13B. Seksyen baru 13A memperuntukkan bahawa apa-apa keputusan Menteri berhubungan dengan sesuatu lesen atau permit adalah muktamad. Seksyen baru 13B menyingkirkan hak untuk didengar dalam perkara permohonan untuk mendapatkan, atau pembatalan atau penggantungan, sesuatu lesen atau permit. Pindaan kepada seksyen 13 (*fasal 8*) adalah berbangkit daripada pemasukan seksyen baru 13B.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1447.]